

Negara Malaysia

Ahli-ahli

Umno

diseru

yakinkan

rakyat

TELUK INTAN, Rabu — Menteri Besar Perak, Encik Ramli Ngah Talib menegaskan, perpaduan di kalangan ahli-ahli Umno semua peringkat amat penting untuk menjamin kestabilan politik dan perpaduan rakyat akan datang.

Katanya, ahli-ahli Umno harus berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan keyakinan kepada rakyat supaya mereka memberi sokongan kepada parti dan kerajaan.

Ketika berucap di majlis kesyukuran anjuran Pergerakan Pemuda Umno Hilir Perak petang semalam, beliau yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Perak menyatakan, isu-isu sensitif dan negatif tidak harus dibesar-besarkan kerana ia boleh merugikan perjuangan Umno sendiri.

Beliau berkata, melalui perpaduan kukuh di kalangan ahli Umno, kerajaan akan dapat melaksanakan rancangan-rancangan berfaedah kepada rakyat.

"Masanya sudah sampai bagi ahli Umno merancang dan bertindak untuk membantu kerajaan dalam usaha melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang berjalan sekarang," tambahnya.

Ahli-ahli Umno, ujarnya, hendaklah berusaha mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah mereka yang kemudian disampaikan melalui mesyuarat parti sebelum dikemukakan kepada kerajaan.